



**SURAT PEMBERITAHUAN  
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan  
Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam  
Negara Brunei Darussalam.**

**PEGAWAI PERHUTANAN (B.2 EB.3/B.2)  
JABATAN PERHUTANAN  
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PEGAWAI PERHUTANAN**  
**JABATAN PERHUTANAN**  
**KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**  
**B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 EB KHAS \$4,360 - \$4,840 SEBULAN ) /**  
**B.2 (\$2,270 - \$3,760 EB KHAS \$3,880 - \$4,360 SEBULAN)**  
**KEKOSONGAN = DUA (02)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) **TANGGA GAJI B.2 EB.3**

Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang *Biological Science / Botani / Environmental Science / Forest Vegetation / Natural Resources Conservation / Sains Perhutanan / Science Forestry / Science in Conservation and Forest Ecosystems / Wood Science* atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

b) **TANGGA GAJI B.2**

i) *BDTVEC / BTEC* Diploma Tertinggi Kebangsaan (*HND*) atau sebanding dalam bidang *Biological Science / Botani / Environmental Science / Forest Vegetation / Natural Resources Conservation / Sains Perhutanan / Science Forestry / Science in Conservation and Forest Ecosystems / Wood Science* atau bidang bersesuaian **dan** telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

**ATAU**

ii) Telah berkhidmat di Jabatan Perhutanan sebagai Penolong Pegawai Perhutanan Tingkat I atau jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

**ATAU**



- iii) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 9 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

#### **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

##### **SECARA AM:**

1. Membantu Ketua Bahagian dalam memantau pegawai dan kakitangan di dalam Bahagian / Seksyen.

##### **UNIT PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA**

1. Selaku Ketua Unit;
2. Memastikan rancangan / program latihan tahunan Jabatan berjalan seperti yang dirancang;
3. Memantau serta mengumpul maklumat latihan 100 jam bagi pegawai dan kakitangan Jabatan;
4. Menyelaras permohonan mengikut kursus / latihan / bengkel dalam negeri;
5. Pegawai Penyelaras Latihan, menyelaras program-program latihan dengan Institut Perkhidmatan Awam (IPA) yang akan diikuti oleh pegawai dan kakitangan Jabatan; dan
6. Menyelaras hal-hal berkaitan dengan kursus / latihan melalui Sistem Sumber Manusia (SSM).

##### **PUSAT NADI BORNEO**

1. Mengetuai Seksyen Herbarium Negara;
2. Meningkatkan koleksi *The Brunei National Herbarium (BRUN)*;
3. Bekerjasama dalam melaksanakan kajian-kajian dengan institusi dalam dan luar negara yang berkaitan dengan botani; dan
4. Mengetuai dalam ekspedisi pengutipan spesimen negara.